

The logo is a large, stylized letter 'A' composed of various colored triangles (green, yellow, orange, red, purple, blue, brown). Inside the 'A', the text 'DAC EVALUATION CRITERIA' is written in a bold, sans-serif font, with 'RELEVANCE' written below it in a smaller font.

DAC EVALUATION CRITERIA RELEVANCE

Ahli Parlimen, adakah Yang Berhormat dalam usaha untuk menjadi wakil rakyat yang lebih efektif?

Adakah Yang Berhormat ingin terus untuk memaksimumkan pembangunan mampan negara kita dengan mengajukan soalan dalam sidang Parlimen?

*Kami mengalu-alukan Yang Berhormat membaca siri brosur ini:
Kriteria OECD/DAC
(Penilaian Jawatankuasa Bantuan Pembangunan OECD)*

Pengenalan

Parlimen sebagai badan perundangan terutama di Malaysia perlu menjadi tunjang demokrasi yang memberi penekanan kepada amalan kebertanggungjawaban, ketelusan dan perlindungan hak rakyat. Sebagai penggubal dasar negara, Ahli Parlimen boleh menambah baik proses demokrasi ini dengan mengajukan soalan yang berkualiti dalam perdebatan di Parlimen, berasaskan bukti dan asas-asas penilaian. Ini adalah penting bagi menentukan peruntukan sumber kewangan dan perundangan yang menyokong kerangka pembangunan mampan, dan seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Mempunyai pemahaman tentang intervensi pembangunan dapat membantu penggubal dasar dalam merangka soalan yang berkesan dan memberi manfaat yang lebih kepada rakyat yang sedang memerhati. Kriteria Penilaian Jawatankuasa Bantuan Pembangunan dibangunkan dengan tujuan memberi panduan kepada Ahli Parlimen untuk memenuhi matlamat ini. Siri brosur ini akan menghuraikan enam (6) kriteria penilaian OECD/DAC

Kriteria OECD/DAC (Penilaian Jawatankuasa Bantuan Pembangunan OECD)

6 kriteria tersebut adalah Kesesuaian, Kepaduan, Keberkesanan, Efisiensi, Impak dan Kelestarian. Walaupun kriteria-kriteria ini telah dibangunkan untuk tujuan penilaian projek pembangunan, ianya boleh digunakan bagi merangka soalan bernas tentang intervensi pembangunan, program dan dasar negara.

Kriteria ini amat penting dalam proses membuat keputusan atau dasar berdasarkan bukti.

Kriteria yang pertama adalah seperti berikut:

Kesesuaian

Kesesuaian bermaksud sejauh mana sebuah intervensi pembangunan bertepatan dan mampu bertindak balas untuk memenuhi kehendak masyarakat setempat, penerima bantuan, institusi rakan kongsi atau bidang keutamaan rakyat negara/negeri. Dalam pada masa yang sama, intervensi tersebut masih tidak tergugat sekiranya keadaan berubah (sama ada dari segi ekonomi, alam sekitar, politik ekonomi, kesamarataan, kapasiti atau sosial)

Istilah Utama

Bertindak balas bermaksud matlamat dan rekaan intervensi adalah sensitif kepada situasi ekonomi, alam sekitar, kesamarataan, politik ekonomi dan kapasiti setempat di mana intervensi dijalankan.

Penerima manfaat dimaksudkan sebagai orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan, sama ada disasarkan atau tidak, mendapat manfaat secara langsung atau tidak langsung daripada intervensi pembangunan. Dalam kata lain, mereka adalah golongan yang mempunyai hak atau golongan yang terkesan dengan intervensi tersebut.

Institusi Rakan Kongsi termasuklah kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, kumpulan sivil, entiti swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang terlibat dalam membiayai, melaksanakan, dan/atau memantau intervensi pembangunan.

Penilaian tentang tahap relevan sesebuah intervensi merangkumi proses menyemak tahap perbezaan dan keseimbangan antara bidang-bidang keutamaan atau keperluan semasa negara. Ianya memerlukan analisa yang mendalam tentang sebarang perubahan dan sejauh mana intervensi itu masih sesuai dan berhubungkait dengan keadaan semasa.

Bagaimana Ahli Parlimen Boleh Menggunakan Kriteria Kesesuaian

Perdebatan tentang dasar dan program pembangunan adalah normal dalam sidang Parlimen, dan ianya ada proses demokrasi bagi memastikan intervensi-intervensi pembangunan adalah kekal relevan dengan keperluan rakyat. Ahli Parlimen sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab boleh membahaskan tahap kesesuaian sesebuah intervensi. Sepatutnya Parlimen perlu memastikan tahap kesesuaian sesebuah intervensi sebelum ianya dilaksanakan. Namun begitu, kebanyakan dasar dan pelaksanaan sudah dijalankan tanpa titik permulaan dan penamatan yang jelas.

Soalan-soalan yang mencabar tentang masih relevankah sesebuah pelaksanaan atau dasar dapat membantu rakyat dan pihak lain dalam mengetahui keberkesanan sesebuah intervensi. Terdapat beberapa aspek yang boleh dipersoalkan di bawah kriteria ini:



Sama ada intervensi betul-betul dirancang berdasarkan keperluan rakyat



Sama ada penerima manfaat yang tepat telah dikenalpasti dan dilibatkan dalam intervensi



Sama ada pemegang taruh yang tepat telah dikenalpasti dan dirujuk dalam intervensi



Sama ada intervensi berjaya menangani keperluan dan keutamaan yang telah ditetapkan



Sama ada intervensi atau dasar awam boleh diubah supaya kekal sesuai sekiranya atau pada masa

Contoh Soalan Berdasarkan Kriteria Kesesuaian

Berikut adalah contoh-contoh soalan yang boleh diajukan oleh Ahli Parlimen berkenaan kesesuaian intervensi umum, program atau dasar di sidang perbahasan. Perlulah diingatkan bahawa konteks semasa, jenis dan takat intervensi atau polisi, proses serta keperluan perlu diambil kira dalam perbahasan dalam sidang Dewan

- 1? Adakah dasar/program/intervensi dirangka dengan teliti dan mengambil kira keperluan penerima manfaat yang sebenar-benarnya?
- 2? Apakah bukti atau asas yang diguna pakai dalam menentukan fokus program intervensi?
- 3? Adakah pihak perancang atau pelaksana telah merujuk penerima manfaat ketika merangka program/projek atau menggubal dasar ini?
- 4? Adakah penerima manfaat bagi projek ini adalah antara mereka yang menjadi tumpuan kerajaan dalam pembangunan sosio-ekonomi?
- 5? Bagaimana program/intervensi/dasar ini sejajar dengan bidang keutamaan negara atau rancangan jangka masa panjang?
- 6? Bagaimana program/intervensi/dasar menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals)
- 7? Bagaimana intervensi ini berubah mengikut perkembangan dan perubahan dalam ekonomi/sosial/alam sekitar?
- 8? Apakah kebarangkalian bahawa program/intervensi/dasar ini akan sentiasa berkait atau relevan dengan penerima manfaat sepanjang jangka masanya

Sumber Lain berkenaan dengan Kriteria Kesesuaian

Kriteria penilaian OECD, diambil daripada:
<https://tinyurl.com/2p9835a6>



OECD (2022) Memahami enam kriteria: Definisi, elemen untuk analisis dan kunci cabaran. diambil daripada:
<https://tinyurl.com/bddefx8>



Diterbitkan Oleh:



Hubungi: apea.coordinator@gmail.com